
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

SBU344 - Pembangunan dan Pentadbiran Tanah

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja

1. a) Bincangkan peranan Majlis Tanah Negara dalam pentadbiran dan pengurusan tanah di Malaysia. (50 markah)

- b) Dalam tulisan Meenakshi Raman yang bertajuk “Land Acquisition - The need for greater public accountability and transparency” (2000), beliau menimbulkan beberapa kelemahan yang terdapat dalam Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997. Bincangkan kelemahan-kelemahan ini. (50 markah)

2. Bincangkan istilah-istilah berikut dengan tidak melebihi 200 perkataan bagi setiap istilah:
 - a) Kaveat
 - b) Sistem Torrens
 - c) Tanah Wakaf
 - d) Cukai tanah(100 markah)

3. a) Terangkan proses pembangunan tanah di Malaysia. (50 Markah)

- b) Bincangkan dua masalah yang dihadapi oleh pemaju dalam proses pembangunan tanah bandar. (50 markah)

4. a) Bincangkan langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan lebih banyak rumah kos rendah dibina di Malaysia.
(50 markah)
- b) Mengapa masih terdapat banyak rumah setinggan di bandar-bandar di Malaysia? Bincangkan.
(50 markah)
5. Bagaimakah kerajaan (termasuk kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan) menguruskan tanah bandar di Malaysia? Bincangkan.
(100 markah)
6. a) Dalam pembangunan tanah, pemaju-pemaju diwajibkan mengupah pakar-runding untuk memastikan bahawa projek mereka dijalankan dengan sempurna dan mengikut undang-undang. Bincangkan peranan akitek, ahli perancang bandar dan juru-ukur dalam proses pembangunan tanah.
(50 markah)
- b) Bincangkan konsep pembangunan mampan (sustainable development) dalam konteks pembangunan tanah di Malaysia.
(50 markah)

- oo ooo oo -